

PENGORBANAN ASAS KESEJAHTERAAN UMMAH

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Aidiladha adalah perayaan yang istimewa kerana ia merupakan hari untuk umat Islam memperingati kisah ketaatan dan pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. dalam memenuhi

perintah Allah SWT. Sebagaimana yang disebutkan di dalam surah As-Saffat, ayat 102,

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ
مَاذَا تَرَى قَالَ يَتَأْتِي أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahwa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ia menjawab: "Hai bapakku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah kamu akan mendapatiku Termasuk orang-orang yang sabar".

Kesanggupan Nabi Ibrahim a.s. menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail a.s. bukan semata-mata didorong oleh perasaan taat setia secara membuta tuli, sebaliknya ia didorong oleh semangat pengorbanan yang utuh dan ikhlas daripada hamba yang sentiasa mengharapkan kesejahteraan hidup di

dunia dan akhirat.

Kisah dua beranak bersejarah ini, kemudiannya, disyariatkan dalam Islam dengan ibadah sembelihan korban menjelang Aidil Adha yang disambut umat islam saban tahun. Kisah ini juga membawa bersama mesej dan peringatan yang penting kepada manusia bahawa jalan menuju kebahagiaan dan kesejahteraan hidup itu tidak boleh tidak memerlukan pengorbanan. Oleh itu, tajuk khutbah pada hari yang mulia ini ialah **“Pengorbanan Asas Kesejahteraan Ummah”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,

Dalam hidup bernegara dan berbangsa, kesejahteraan sememangnya menjadi matlamat dan harapan bagi setiap individu muslim. Justeru, bagi mencapai matlamat dan harapan ini, maka perlu ada pengorbanan yang sangat besar dan kerjasama yang utuh dalam kalangan umat islam. Umat Islam hendaklah bersedia mengorbankan tenaga, harta,

masa dan intelek untuk menjaga tuntutan hidup beragama. Salah satu tuntutan hidup beragama ialah menjaga akidah dan syariat Islam berteraskan pemahaman ahli Sunnah wal Jamaah yang mana berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Sepertimana firman Allah SWT;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ
ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. (Surah An-Nisa ayat 59).*

Jika perkara ini dapat dilakukan, ianya mampu

melahirkan kesatuan ummah yang hidup berpaksikan ajaran agama islam yang sebenar.

Selain itu, umat Islam juga diharap mampu merealisasikan semangat berkorban Nabi Ibrahim a.s dalam menyemai sifat-sifat mahmudah di dalam diri. Sifat-sifat mahmudah yang disebutkan disini bukan sahaja merujuk kepada menjaga hak-hak Allah, ianya juga termasuk menjaga hak-hak sesama manusia seperti keadilan, perasaan cinta dan kasih sayang sesama manusia dan sebagainya.

Sabda Nabi Saw, "Para pengasih dan penyayang dikasihi dan disayang oleh Ar-Rahman (Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang), rahmatilah yang ada di bumi niscaya kalian akan dirahmati oleh Dzat yang ada di langit" (HR Abu Daud dan At-Tirmidzi).

Jika perkara ini berlaku, sudah tentu kehidupan ummah berasaskan konsep keamanan dan kedamaian dapat diwujudkan sekaligus mengukuhkan lagi kesatuan ummah yang sudah sedia terjalin.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH.

Seperti mana yang kita sedia maklum, Negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa, agama mahupun bahasa dan dialek. Begitu juga di negeri Sabah ini cukup terkenal dengan kepelbagaian etnik dan suku kaum yang berbilang. Tidak dinafikan juga bahawa dengan kepelbagaian bangsa, etnik dan kaum ini, kita terdedah dengan pelbagai adat dan budaya yang dapat kita jelaskan sebagai perbuatan, perkara atau peraturan yang lazim dilakukan sejak dahulukala.

Amalan membudayakan adat resam dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah menjadi tradisi turun temurun sejak zaman-berzaman. Malah, ada dari kalangan kita yang mempercayai adat resam yang bertentangan dengan syariat Islam, yang mana ianya melibatkan kepercayaan kepada kuasa mistik dan menyandarkan harapan kepada alam ghaib. Perbezaan adat ini ada kalanya menimbulkan

perselisihan faham dan pandangan di antara kaum sehingga menyentuh sensitiviti agama. Sedangkan Allah menciptakan perbezaan di kalangan hambaNya adalah untuk saling berkenalan antara satu sama lain. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 13,

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya.

Allah menerangkan tiada kelebihan di antara satu

sama lain mengikut nilai kejadian mereka. Lebih atau kurangnya manusia di sisi Allah bergantung kepada taqwa dan sejauh mana mereka menjaga syariat yang ditetapkan oleh Islam.

Dalam hidup bermasyarakat, setiap individu perlulah menghormati adat dan budaya yang lain. Manakala adat yang bertentangan dengan ajaran Islam wajiblah ditinggalkan kerana ianya sebahagian daripada perkara yang mensyirikkan Allah SWT serta sedikitpun tidak memberi impak kemajuan dalam kehidupan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam adalah agama yang bersifat terbuka dan meraikan kemajuan teknologi dan kemodenan selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syara'. Namun, sejak akhir-akhir ini kita didedahkan dengan pelbagai penyalahgunaan media sosial oleh individu tidak bertanggungjawab. Fitnah melalui penyebaran

berita palsu, penghinaan agama dan isu perkauman dilihat semakin menular yang pastinya jika dibiarkan akan menimbulkan suasana tidak tenteram serta boleh mencetuskan huru hara.

Justeru, umat Islam seharusnya bersyukur dengan nikmat kemudahan teknologi terutamanya dalam penggunaan media sosial seperti aplikasi *Whatsapp, Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya serta memanfaatkannya sebagai medium yang berkesan untuk digunakan bagi mengajar, belajar dan menyeru manusia ke jalan Allah SWT. Dengan ini, terbentuklah budaya masyarakat Islam yang saling ingat-mengingati dalam membuat amal kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kita semua membentuk masyarakat yang berkeupayaan mengawal teknologi, bukannya dikawal dan hanyut dengan teknologi kerana Islam mementingkan kesatuan ummah dalam membina negara yang sejahtera.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT.

Kepelbagaian bangsa manusia adalah sunnatullah untuk kebaikan manusia itu sendiri juga sebagai didikan kepada kita agar berkenalan dan memelihara hak-hak antara satu sama lain. Adalah penting keadilan ditegakkan agar tiada bangsa atau kaum yang dizalimi oleh suatu kaum yang lain. Sikap perkauman dan taksub kepada bangsa sehingga timbulnya sikap sombong dan angkuh amat bertentangan dengan nilai Islam. Seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Anbiya ayat 107:

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾
107

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT sebagai rahmat bagi seluruh alam dari pelbagai sudut.

Maka kita sebagai umatnya, perlu mencontohi sikap rahmat baginda dengan mempunyai cara pemikiran cintakan kedamaian dan bencikan pertelingkahan. Rahmat yang dibincangkan para ulama bermaksud kasih sayang. Sifat kasih sayang yang ada pada diri seseorang akan menghindarkannya daripada menganiaya atau menzalimi orang lain. Umat Islam seharusnya berperanan sebagai pendamai dan bukannya pemecahbelah dalam masyarakat. Mempunyai sikap pendamai ini adalah penting untuk kita mengorbankan keegoan dan nafsu kita. Berjuang dan berkorban untuk membentuk akhlak mahmudah adalah penting agar orang Islam tidak dipandang sebagai orang yang suka menimbulkan provokasi dan memecahbelahkan masyarakat.

Budaya bersatu padu dalam amal ibadah dan aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan diberikan pahala berganda sepertimana yang diamalkan ketika Aidiladha. Hal ini dapat dilihat melalui kerjasama dalam melaksanakan ibadah qurban serta penghayatannya dalam agihan daging-daging qurban

kepada golongan yang berhak menerimanya. Melalui amalan kerjasama ini akan melahirkan dan membangunkan masyarakat islam yang bersatu padu dalam meningkatkan ekonomi untuk kesejahteraan ummah yang akhirnya akan dapat membangunkan negara dan khususnya negeri Sabah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿١﴾ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿٢﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ ﴿٣﴾ إِنَّكَ شَانِكَ هُوَ الْأَبَدِيُّ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari rahmat Allah).” (Surah al-Kauthar ayat 103)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾ (سورة الأحزاب: ٥٦). اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ
بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ
سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ
وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ رِضَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى،
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى ، أَنْ تَلْحَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَتَحْفَظَ بِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ فَخَامَةَ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَا مَا يَغِ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابَهُ
وَاجْعَلِ التَّقْوَى زَادَهُ وَمَأَلَهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْهُ فِي نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ وَأَوْلَادِهِ وَقَرَابَاتِهِ عَلَى مَمَرِ الدُّهُورِ، وَاجْعَلْ مُلْكَهُ
مَعْمُورًا بِالْعَدْلِ وَالتَّقَدُّمِ ، وَالرُّقْيَى وَالْعَمَلِ وَالْعِلْمِ وَالتَّعَلُّمِ ، وَاعِنِ وُزْرَائِهِ عَلَى
تَصْرِيْفِ الْأَعْمَالِ عَلَى مَا فِيهِ الْأَمْنُ وَحِفْظِ الدِّينِ وَالْمَالِ ، وَأَصْلِحْ لِلْجَمِيعِ
الْعَاقِبَةَ وَالْمَأَالَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ
سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيْدِيَهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ
وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ،
وَجَبِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً
رَّخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِيْنَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِيْنَ
وَوَقِّفْنَا جَمِيْعًا لِّطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُوْلِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ

يا الله، جاديكمله كامى اورغ ۲ يغ منديريكن صلاة سچارا برجماعة دان
منونايكن زكاة ملالوي بهاكين زكاة دان فطرة مجلس أكام إسلام
سابه، سرتا رحماتيله كولوغن يغ منونايكن زكاة. جاديكمله مؤيس دالم
مغاكيهكن زكاة دنكري سابه سباكى ساتو لثكه يغ بركسن باكى
ملفسكن أسنف دري بلغكو كمسكين.

﴿ رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾ (سورة آل عمران: ۸)

﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾ (سورة البقرة:

۲۰۱). عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ عِظْمُكُمْ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ (سورة النحل:

۹۰). فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ

يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ